



## **TEKS UCAPAN**

**YB. DATO' SRI ISMAIL SABRI BIN YAAKOB  
MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH**

**SEMPENA**

**MAJLIS PERASMIAN  
HALAL FIESTA (HALFEST) 2016**

**MIECC– MINES INTERNATIONAL  
EXHIBITION & CONVENTION CENTER**

**1 SEPTEMBER 2016 (KHAMIS)  
WAKTU KETIBAAN : 11.30 PAGI**

Terima kasih Tuan/Puan Pengerusi Majlis.  
Bismillahirrahmanirrahim.  
Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.  
Salam Sejahtera dan Salam Kemerdekaan ke-59.

YAM Tengku Puteri Seri Lela Manja Pahang Tengku Dato' Hajjah Nong Fatimah  
Binti Sultan Haji Ahmad Shah DK., SIMP.  
Penaung Halal Fiesta Malaysia (HALFEST)

Yang Berhormat Datuk Alexander Nanta Linggi  
Yang Berhormat Datuk Ahmad Jazlan Yaakub  
Timbalan Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah

Yang Berbahagia Dato'Mohd Arif bin Ab Rahman  
Ketua Setiausaha  
Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah

Pegawai-Pegawai Kementerian dan Agensi

Ketua-Ketua Jabatan Persekutuan dan Negeri  
Para Usahawan

Tuan-Tuan, Puan-Puan dan Hadirin yang dihormati sekalian,

1. Alhamdulillah, bersyukur kita kehadrat Allah S.W.T. kerana dengan izin-Nya Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah (KKLW) dapat menganjurkan Halal Fiesta Malaysia atau lebih dikenali sebagai HALFEST. Saya juga ingin merakamkan ribuan terima kasih di atas kehadiran tuan-tuan dan puan-puan yang sudi meluangkan masa untuk bersama-sama menjayakan majlis yang diadakan pada pagi ini.

### **KKLW SEBAGAI PENGANJUR HALFEST**

Hadirin sekalian,

2. Halal Fiesta Malaysia atau HALFEST sememangnya adalah satu ekspos perniagaan dan perdagangan yang popular di kalangan para usahawan dan orang awam dan merupakan usaha kerajaan dalam **memaju dan memperkasakan pembangunan industri halal tempatan negara**. HALFEST juga turut membuka peluang dan ruang kepada usahawan luar bandar bagi memperkenal dan memasarkan produk dan perkhidmatan mereka.

3. Antara aspirasi Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah adalah untuk membangunkan usahawan bumiputera yang berdaya saing dan berjaya dalam pelbagai bidang perniagaan dan perdagangan. Kerana industri halal di dapati mempunyai potensi yang baik, KKLW telah merancang untuk memfokus kepada peluang industri halal bagi meningkatkan kualiti dan imej produk dan perkhidmatan tempatan usahawan luar bandar bagi memenuhi standard halal, iaitu dari segi **kualiti, kebersihan** dan **kesucian**. Oleh itu, mulai tahun 2016, KKLW berhasrat menggunakan industri halal melalui HALFEST sebagai satu platform pemangkin untuk usahawan-usahawan halal luar bandar.
4. Selain itu, saya percaya ianya merupakan satu strategi dimana Kementerian serta agensi-agensi dibawah kementerian seperti MARA, RISDA, FELCRA, KEDA KEJORA, KETENGAH dan KESEDAR boleh meningkatkan **imej** serta **kualiti produk dan perkhidmatan** halal dari usahawan luar bandar.
5. Walaupun MIHAS atau **Malaysia International Halal Showcase** juga merupakan satu platform bagi industri halal, tetapi ia bersifat antarabangsa dan disertai oleh '*big players*' yang merupakan pengusaha yang besar. Namun, HALFEST berbeza kerana kebanyakan produk dan perkhidmatan yang ditawarkan sepanjang 5 hari ini, adalah hasil dari usahawan **PKS (Perniagaan Kecil & Sederhana) Bumiputera tempatan** dan dalam kontek KKLW, sudah semestinya kebanyakan **usahaawan luar bandar**.

## **POTENSI INDUSTRI HALAL**

Hadirin sekalian,

6. Potensi industri halal semakin meningkat dan merupakan industri yang amat penting serta relevan bagi Malaysia dan rantau sekitarnya termasuk negara-negara ASEAN. Ini kerana, **populasi penduduk Islam Dunia** pada ketika ini adalah **1.8 billion** (HDC, June 2016), dan angka ini akan terus bertambah sehingga **2.2 billion pada tahun 2030**. Populasi penduduk Islam ini meliputi **28 peratus daripada jumlah penduduk dunia**. Berdasarkan kepada angka ini, permintaan terhadap produk dan perkhidmatan halal adalah tinggi sehingga boleh mencecah **USD680 bilion setahun**. Jelas sekali, peluang dan potensi untuk pertumbuhan industri halal adalah sangat besar dan *astronomical!*.

7. Hakikatnya dunia sekarang memang telah **mengiktiraf** industri halal dan potensinya kepada pembangunan dan perkembangan ekonomi negara. Peluang industri halal bukan sahaja kepada orang muslim semata-mata tetapi juga turut merentasi **orang bukan muslim**. Produk dan perkhidmatan halal bukan sahaja menjadi satu permintaan atau keperluan bagi pengguna beragama Islam semata-

mata. Kini produk dan perkhidmatan halal turut diterima oleh negara-negara yang bukan Islam seperti **Brazil, Jepun, Thailand, Korea Selatan, Australia dan China** kerana sudah pasti bahawa produk dan perkhidmatan halal bukan sahaja menjanjikan **kesucian malah yang paling penting; menekankan aspek kebersihan (hygiene) dan kualiti**. Bahkan, buat masa ini, negara **Korea Selatan (The Korean Times, June 2016)** sedang dalam usaha untuk meningkatkan **kualiti makanan halal dan bilangan restoran** yang menawarkan makan halal bagi memberi keselesaan kepada pelancong-pelancong beragama islam yang semakin bertambah terutama dari Timur Tengah dan negara-negara Asia Tenggara

8. Malah, negara-negara di rantau ASEAN (ASEAN Economic Council-AEC) sedang dalam perbincangan untuk **menyeragamkan pensijilan halal** yang sedia ada. Penyeragaman ini dapat menempatkan industri dan ummah dari segi kualiti ke tahap premier; sekali gus membangunkan negara-negara ASEAN untuk turut menjadi industri halal ASEAN setanding dengan negara-negara yang menerajui industri halal tertentu seperti daging lembu halal dari Australia, daging kambing dari New Zealand dan sebagainya. Saya bangga menyatakan Malaysia juga merupakan satu pembekal utama (*main player*) untuk produk-produk seperti makanan yang diproses(Processed Food).

Hadirin sekalian,

9. Kementerian percaya bahawa industri halal berpotensi memperkasakan produk dan perkhidmatan usahawan luar bandar untuk diketengahkan di pasaran dalam negeri dan luar negeri. Eksport Malaysia bagi produk halal sehingga kini masih ditahap agak rendah **berbanding pasaran halal dunia**, dengan nilai **RM39 bilion (HDC,2016)**. Setakat ini, sebanyak **5,726 syarikat halal yang berdaftar di Malaysia** (sumber:MITI) dan hanya **2,290 syarikat atau 40 peratus daripada angka ini merupakan syarikat bumiputera**.

10. Dari aspek pasaran tempatan, lebih **18 juta pengguna muslim di Malaysia (HDC, 2016)** dan permintaan terhadap produk halal sudah pasti menawarkan peluang yang amat besar kepada usahawan tempatan. Oleh itu, saya menyarankan kepada para usahawan khususnya bumiputera agar menceburi di dalam industri halal dan merebut **peluang** yang besar ini.

11. Justeru, Kerajaan yakin industri halal boleh memacu pertumbuhan ekonomi negara amnya, dan khususnya meningkatkan keuntungan usahawan bumiputera terutama luar bandar. Malaysia berada pada kedudukan yang amat baik bagi mengaut keuntungan dari industri halal. Malah, Malaysia kini yang dikenali sebagai antara **hab halal terbesar di dunia**. Walaupun kita amat berbangga dengan pencapaian ini tetapi kita hendaklah terus berusaha untuk mengekalkan kedudukan tersebut.

12. Kementerian berharap **agensi-agensi dan NGO berkaitan** dengan pengiktirafan halal seperti **JAKIM** sentiasa bersama-sama KKLW demi mengembangkan industri halal dengan mempermudahkan pensijilan halal produk dan perkhidmatan usahawan tempatan terutamanya bumiputera kerana saya percaya usaha sebegini dapat mencetuskan lagi perkembangan industri halal negara kita.

## **PRESTASI HALFEST**

Hadirin sekalian,

13. Pada tahun 2014, hanya seramai 48 orang usahawan bawah KKLW dan agensi telah menyertai ekspo ini. Dengan sebanyak **RM350,000 jualan, nilai tempahan RM121,750 dan 286 jaringan perniagaan** yang telah direkodkan sepanjang 5 hari program.

14. Tetapi pada tahun ini, KKLW ingin menentukan HALFEST berjaya meningkatkan penyertaan usahawan bumiputera terutamanya memperkenalkan potensi industri halal kepada usahawan-usahawan luar bandar. Oleh itu sebanyak **150 booth telah dikhaskan** kepada usahawan luar bandar Kementerian dan agensi-agensi seperti **MARA, RISDA, FELCRA, KEJORA, KETENGAH, KESEDAR, KEDA.**

## **SOKONGAN KERAJAAN DAN MASYARAKAT**

Tuan-tuan dan puan-puan,

15. Disebabkan potensi industri halal dunia yang amat besar ini, Kerajaan merangka perancangan pembangunan industri halal yang komprehensif yang tertera didalam Rancangan Malaysia ke-11 (RMK-11). Industri halal terus diberi pengiktirafan sebagai salah satu strategi kerajaan untuk membangun dan memacu industri ini melalui Pelan Induk Industri Halal.

16. Tahun 2016 merupakan tahun ke-5 penganjuran Halal Fiesta Malaysia atau HALFEST dan telah menunjukkan peningkatan positif dari segi bilangan pengunjung yang meningkat **melebihi 10 peratus setahun; contohnya, lebih dari 76 ribu (76,567) telah mengunjung Halfest 2014, peningkatan sebanyak 17 peratus dari tahun 2013.** Jelas ia menunjukkan HALFEST merupakan satu acara yang menjadi platform berkesan bagi produk dan perkhidmatan halal tempatan.

## **PENUTUP**

17. Di kesempatan ini, saya berharap semua pihak bukan sahaja yang terlibat dalam industri ini tetapi juga pertubuhan-pertubuhan lain seperti koperasi, NGOs dewan perniagaan dan media dapat membantu untuk menghebahkan potensi industri halal dan Halfest kepada pihak-pihak lain termasuk usahawan lain yang belum menceburi dalam industri ini.

18. InsyaAllah, Kementerian ini akan meneruskan komitmen bagi membangunkan masyarakat luar bandar selaras dengan **Pelan Transformasi Kementerian** dengan hasrat untuk menjadikan kehidupan di luar bandar **bertambah maju, berkualiti serta berdaya saing** seperti aspirasi saya; "**Membandarkan Luar Bandar**".

19. Saya yakin bahawa **HALFEST** dan **MIHAS** yang dianjur oleh Kerajaan dapat memastikan **kemampanan industri halal negara** kita dan memastikan industri halal bukan sahaja kepada perkhidmatan kewangan Islam dan produk makanan semata-mata tetapi juga merangkumi sektor lain iaitu sektor perkhidmatan seperti pelancongan, farmaseutikal, kosmetik atau kecantikan, hotel (penginapan), pengedaran dan logistik. *The list is endless* disebabkan potensi industri halal amat luas.

20. Akhir kata, saya berharap agar HALFEST 2016 ini akan berlangsung dengan jayanya dan akan terus menjadi satu platform yang berkesan dalam industri halal tempatan. Saya juga ingin merakamkan ribuan terima kasih di atas sokongan semua pihak terutamanya kepada:

- i. **Majlis Amanah Rakyat (MARA);**
- ii. **Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM);**
- iii. **Halal Industry Development Corporation (HDC);**
- iv. **Dewan Perniagaan Melayu Malaysia (DPMM);**
- v. **Persatuan Pengguna Islam Malaysia (PPIM);**
- vi. **Shapers Malaysia Sdn Bhd (SHAPERS);**
- vii. **dan pihak-pihak lain**

yang bertungkus lumus menjayakan HALFEST 2016.

21. Besar harapan saya dan Kementerian serta agensi-agensi lain yang telah bekerjasama untuk menjayakan program ini agar dengan usaha yang kita laksanakan ini dapat memastikan usahawan tempatan khususnya dari Luar Bandar

dapat mengatur langkah yang strategik dalam merentasi cabaran ekonomi yang makin kompetitif.

Sekian, **Dengan lafaz suci Bismillahirrahmanirrahim, saya dengan ini merasmikan HALFEST 2016.**

Wabillahi Taufik Walhidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

Salam Sejahtera dan Salam Kemerdekaan.

Sekian, terima kasih.